G

PK-JKEW-003/R3
No. Pindaan: 01

MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

LAMPIRAN Q
(Arahan Perbendaharaan 170)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI MELAKA

SEBUT HARGA / TENDER UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan Sebut Harga / Tender dikeluarkan
….....	oleh Kementerian / Jabatan (Alamat
No.Telefon:….....	Lengkap)
No. Pendafataran dengan Kementerian Kewangan:	**MAJLIS PERBANDARAN JASIN,**
….....	**VISTA ALAMANDA, JALAN JASIN – MELAKA, 77000 JASIN, MELAKA.**
No. Pendaftaran dengan MPJ : ….....	
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini ….....	No. Telefon : 06 – 529 1245
	Tarikh :

1. Sila beri Sebut Harga untuk perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan

   1.1 Syarat-syarat serahan : -

   1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan : **24 BULAN**

   1.3 Arahan pengiriman : -

   1.4 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan menulis Tajuk Sebut Harga seperti berikut :

   SEBUT HARGA S46/2026 : PERKHIDMATAN BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN UNTUK TEMPOH 2 TAHUN BAGI PAKEJ G

   NO. FAIL : MPJ/JLPB/1200-01/273

   1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengah hari** iaitu **12 NOVEMBER 2026 .**

   1.6 Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah **90 HARI** selepas tarikh tutup.

   1.7 Wang Tahanan sebanyak ….% akan disimpan di Majlis ini untuk tempoh ….…. bulan.

   1.8 Jika pembekal tidak menyerahkan perkhidmatan di dalam tempoh yang ditetapkan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin akan mengambil tindakan mendenda pembekal itu sebanyak **RM 100.00** sehari sehingga tarikh siap.

   1.9 Penyata kewangan tiga (3) bulan terakhir **WAJIB** disahkan oleh pihak bank. Sekiranya tidak disahkan, pihak syarikat **TIDAK** layak untuk menyertai sebutharga ini.

Bil	Perihal bekalan / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut harga	
1	Spesifikasi kerja dan syarat-syarat khas seperti di muka surat 6 - 17			-	-
2	Senarai lokasi mengikut Pakej di muka surat 18			-	-
				Jumlah :	

Tarikh penyerahan / penyempurnaan ditawarkan **24 BULAN**
*Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Pendaftaran MPJ

(a) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
(b) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah **24 BULAN**

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga : .....

Nama & No. K.P : .....

Alamat Syarikat .....

Tarikh .....

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

14. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

15. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

16. PEMBUNGKUSAN

i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

BORANG SEBUT HARGA
No. Sebut Harga : **S46/2026**

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Jasin,
77000 Jasin,
Melaka.

Tuan,

Sebut Harga Untuk : PERKHIDMATAN BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN UNTUK TEMPOH 2 TAHUN BAGI PAKEJ G

Di bawah dan tertakluk kepada arahan kepada Penender, syarat-syarat Am Sebut Harga, spesifikasi kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan perkhidmatan tersebut dalam tempoh **DUA PULUH EMPAT (24) BULAN** dengan harga :-

RINGGIT MALAYSIA : _____

_____

(RM _____)

.....	**.....**
(Tandatangan)	**(Tandatangan Saksi)**
Nama **: .....**	Nama **: .....**
No. K/P **: .....**	No. K/P **:.....**
Alamat **: .....**	Alamat **:.....**
.....	**.....**
No. Telefon **: .....**	No. Telefon **:.....**
Atas sifat **: .....**	

.....
(Meterai atau cop Pembekal)

NOTA :

i. **Setiap helaian Sebut Harga (tidak termasuk pelan) hendaklah dikembalikan.**
ii. **Sila kemukakan salinan sijil yang berkaitan (sebagaimana iklan).**
iii. **Sila tandatangan dan kembalikan Borang Akuan Pembida (Integrity Pack).**
iv. **Tempoh masa hendaklah diisikan (sekiranya tidak ditetapkan).**
v. **Penyata kewangan tiga (3) bulan terakhir WAJIB disahkan oleh pihak bank.**
vi. **Sila sertakan SIJIL PEMATUHAN CUKAI @ TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC) .**

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN UNTUK TEMPOH 2 TAHUN BAGI PAKEJ G

SPESIFIKASI KERJA DAN SYARAT-SYARAT KHAS

A. PEMATUHAN KEPADA SYARAT KONTRAK

1. Kontraktor hendaklah menyediakan anggota pekerja yang mencukupi sebagaimana yang dicadangkan di dalam tawaran bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang tempoh kontrak yang telah ditetapkan. MPJ berhak supaya pekerja yang tidak memuaskan dalam membuat kerja-kerja dikenakan teguran, surat / memo / notis arahan atau disarankan agar diberhentikan dari membuat kerja. Tingkah laku pekerja-pekerja perlu dijaga dan menjadi tanggungjawab pihak kontraktor mengawasi pekerja-pekerjanya .

2. Kontraktor hendaklah melantik penyelia tapak sepenuh masa yang berkelayakan dan komited untuk memantau , mengawasi serta membuat laporan harian kerja-kerja di tapak sepanjang ketiadaannya atau penerima arahan dari pegawai penguasa / wakilnya mengenai perlaksanaan hasil kerja ditapak.

3. Kontraktor / Pegawai Penguasa atau wakilnya boleh mengaturkan lawatan bersama pada bila-bila masa apabila terdapat arahan atas lawatan pemeriksaan tapak.

4. Pegawai penguasa atau wakilnya akan menjalankan pemeriksaan di tapak bagi tujuan pengesahan dan penerimaan kerja. Jika kerja tidak memuaskan kontraktor akan diarahkan untuk membaiki semula. **KOS PEMBAIKAN ADALAH MENJADI TANGGUNGAN KONTRAKTOR.**

5. Kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa jua kerosakan harta benda milik MPJ yang berlaku akibat kecuaian kontraktor. Kontraktor hendaklah memperbaiki dengan kos sendiri, mengganti atau membayar kos gantirugi kepada MPJ.

6. Kontraktor perlulah menyediakan satu jadual perancangan dan perlaksanaan kerja bulanan dan mengetahui mengenai di mana dan apa-apa kerja yang sedang dijalankan. Salinan hendaklah diberikan kepada jabatan / bahagian. Wakil atau penyelia hendaklah membuat pemeriksaan harian terhadap tapak kerja serta memberitahu kepada pegawai penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat masalah yang tidak dapat diatasi.

7. Penyelia hendaklah dibekalkan dengan alat perhubungan (telefon bimbit) supaya mudah dihubungi pada bila-bila masa dan mempunyai kebolehan membuat laporan tapak, mengendali sistem dan mampu melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan kontrak ini.

8. Kontraktor dikehendaki menyediakan pekerja secukupnya setiap hari sebagaimana kehendak yang ditetapkan oleh MPJ bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Kegagalan kontraktor membekal pekerja secukupnya, boleh dikenakan denda. Kontraktor diwajibkan menyediakan sebanyak **1 orang penyelia tetap** dan **bilangan keperluan tenaga buruh landskap adalah mengikut sebut harga** atau arahan semasa dari pegawai penguasa atau wakilnya.

9. Kontraktor adalah diingatkan, setiap tenaga pekerja samaada **penyelia dan buruh landskap** yang ditetapkan di dalam kontrak hendaklah mematuhi **waktu bekerja** adalah **9.00 pagi di lapangan sehingga 5.00 petang. 6 hari seminggu dan sekiranya kontraktor tidak dapat menjalankan kerja pada hari cuti-cuti hujung minggu @ cuti umum**, pihak kontraktor perlu memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa / wakilnya tiga hari sebelum cuti tersebut. Kegagalan pihak kontraktor akan dikenakan denda jika di tapak kekurangan pekerja dan kerja yang perlu dilaksanakan tidak berkualiti.

10. Sekiranya berlaku **bencana alam** seperti hujan lebat, angin kencang, ribut dan sebagainya yang mengakibatkan dahan pokok utama, pokok renek, palma, telah sekah, patah, pasu hiasan tumbang, pokok-pokok di dalam kawasan kontrak menghalang lalulintas. Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan ***respon team*** bagi **tindakan SERTA MERTA**.

B. PENILAIAN PRESTASI KONTRAKTOR

1. Bagi menentukan tahap pencapaian mutu kerja yang dilaksanakan mencapai tahap dikehendaki, dua kaedah mengukur tahap penilaian prestasi kontraktor diwujudkan dengan peratus pencapaian keseluruhan perlaksanaan kerja pada setiap bulan bagi tujuan sokongan bayaran.

2. Penilaian ini berdasarkan kerja-kerja di tapak di mana semua kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan, mengikut jadual perlaksanaan kerja, dimana kerja telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan serta memuaskan Pegawai Penguasa atau wakilnya.

2.1 Penilaian Prestasi Harian

Kategori A : 100% (Sangat baik)
Kategori B : 80% (Memuaskan)
Kategori C : 50% (Kurang memuaskan)
Kategori D : 0% (Tidak melaksanakan kerja)

2.2 Penilaian Prestasi Bulanan

Kategori A : 80% - 100% (Sangat baik)
Kategori B : 50% - 79% (Memuaskan)
Kategori C : 1% - 49% (Kurang memuaskan)
Kategori D : 0% (Tidak melaksanakan kerja / Tamat Kontrak)

3. Kerja-kerja yang dilaksanakan kurang / tidak memuaskan dikeseluruhan kawasan seperti spesifikasi tidak patuhi, kurang pekerja, tidak menghiraukan keselamatan, kerja yang tidak kemas diakhir produk, gagal menunaikan tanggungjawab dengan sempurna mengikut syarat-syarat kontrak termasuk tidak melaksanakan kerja-kerja kebersihan dan lain-lain yang boleh menyebabkan tindakan perlu diambil oleh pihak Pegawai Penguasa atau wakilnya.

4. Surat peringatan akan dikeluarkan jika pihak kontraktor tiada sebarang tindakan untuk memperbaiki prestasi kerja dan tindakan keatas teguran yang diberi secara berterusan. Surat peringatan akan dikeluarkan secara beperingkat peringkat seperti berikut :-

Surat Peringatan Pertama : 14 hari tindakan pembetulan dari tarikh surat.
Surat Peringatan Kedua : 7 hari tindakan pembetulan dari tarikh surat.
Surat Ketiga : Penamatan kerja.

C. TINDAKAN PEMOTONGAN PEMBAYARAN DAN PEMBATALAN KONTRAK KERANA KEGAGALAN KONTRAKTOR

1. MPJ berhak mengambil tindakan pemotongan pembayaran tanpa sebarang notis terlebih dahulu sekiranya kontraktor gagal menjalankan kerja dengan sempurna sehingga mencapai kualiti kerja yang ditetapkan MPJ.

2. MPJ juga berhak melantik kontraktor lain pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu untuk menjalankan kerja yang gagal dijalankan oleh kontraktor.

3. Apabila tindakan diambil, MPJ berhak mengambil tindakan pemotongan pembayaran terhadap kontraktor untuk menuntut balik segala kos 'back up' yang telah dibelanjakan oleh MPJ.

D. PENAMATAN KONTRAK

1. Kontrak yang diberi boleh ditamatkan oleh pihak Majlis samada bersebab iaitu tahap perkhidmatan kontraktor yang tidak mencapai spesifikasi atau tanpa memberi apa-apa sebab dan gantirugi setelah notis penamatan diberikan.

E. SKOP UTAMA KERJA PENYELENGGARAAN

1.0 Kerja-kerja Awalan

1.1 Insuran

Setelah lantikkan dibuat, kontraktor dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar, MPJ polisi insuran tanggungan awam “original”. Polisi insuran, pampasan pekerja dan insuran kerja dari syarat-syarat insuran yang dibenarkan oleh kerajaan Malaysia. Segala keterangan dan syarat-syarat adalah terkandung di dalam syarat-syarat kontrak. Dokumen tersebut perlulah dihantar ke Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar, MPJ pada bulan pertama selepas lantikan dibuat. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN**

1.2 Butiran Kontrak

Pihak kontraktor hendaklah mengisi segala butiran di dalam dokumen ini dengan lengkap seperti di dalam ruangan Maklumat Penyebutharga, Borang Kontrak, Senarai Kuantiti dan sebagainya. Majlis **BERHAK MENOLAK** kontrak yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

1.3 Pematuhan Kepada Jadual Perlaksanaan Kerja

Kontraktor dikehendaki mematuhi sepenuhnya terhadap jadual perlaksanaan kerja sepertimana yang telah ditetapkan (bulanan dan tahunan). Walau bagaimanapun tanpa menjejaskan mana-mana bahagian yang lain dalam dokumen ini, kontraktor dibenarkan untuk meminda mana-mana perkara di dalam jadual tersebut mengikut kesesuaian dan kemampuannya dengan kelulusan Pegawai Penguasa serta wakilnya. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

1.4 Laporan Bergambar Harian dan Bulanan

Pihak kontraktor dikehendaki menghantar 2 laporan bergambar bulanan berwarna barsaiz A4 dengan format yang telah ditetapkan oleh Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar, MPJ dan dihantar pada setiap bulan antara 01 – 07 hari bulan pada tiap-tiap bulan bagi tujuan proses tuntutan bayaran dibuat pada bulan seterusnya mengikut jenis kerja dan lokasi sepertimana di dalam sebutharga. Jika laporan dan tuntutan tidak dibuat dalam tempoh masa 3 bulan, bayaran tidak akan dibuat bagi bulan tersebut. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

Pihak kontraktor **WAJIB** menghantar laporan kerja harian melalui aplikasi *WhatsApps* yang diterbitkan oleh Pegawai Pemantau dan setiap gambar yang dimuatnaik hendaklah mempunyai tarikh, masa dan lokasi. Setiap gambar yang dimuatnaik hendaklah mengikut lokasi yang tertera di dalam kontrak.

1.5 Penyediaan Pakaian Seragam atau Vest Keselamatan

Pihak kontraktor dikehendaki membekal dan memakai pakaian seragam yang telah ditetapkan oleh dan vest keselamatan yang akan ditetapkan oleh pihak Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar, MPJ. Pematuhan pemakaian ini **WAJIB** dilaksanakan bagi tujuan keselamatan dan memudahkan pemantauan pekerja dijalankan. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

1.6 Penyediaan Peralatan Keselamatan Kerja Dan Kawalan Lalulintas

i. Pihak Kontraktor diwajibkan menyediakan dan menggunakan kon keselamatan, jaket keselamatan, topi keselamatan dan kasut keselamatan ketika menjalankan kerja,
ii. Pihak Kontraktor juga diwajibkan untuk menyediakan papan amaran "**Kerja di Hadapan**", kon keselamatan, pengawal lalulintas serta sebarang kelengkapan keselamatan yang difikirkan sesuai ketika pergerakan kerja sedang dilaksanakan sejajar dengan kehendak Jabatan Kerja Raya Arahan Teknik 20/85,
iii. Kontraktor dikehendaki untuk sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan bagi menjamin keselamatan pekerja, orang awam dan kelancaran lalu-lintas sepanjang waktu kerja dilaksanakan.
iv. Pihak kontraktor dikehendaki mengawal dan mengekalkan kelancaran lalu-lintas; dan pihak kontraktor dikehendaki menjalankan kerja tersebut dengan sistematik dan tidak merosakkan harta benda lain yang berkaitan dan disekitarnya.

1.7 Pembakaran Terbuka, Pembersihan Sisa Sampah Yang Di Jana Oleh Aktiviti Penyelenggaraan Landskap

i. Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap segala pembersihan ditapak semasa dan selepas menjalankan kerja mengikut arahan pegawai penguasa.

ii. Syarikat dilarang sama sekali membakar segala sampah dan sisa yang di jana oleh aktiviti penyelenggaraan landskap dan hendaklah memastikan semua sampah dan sisa pokok dibuang dan diangkut ke tempat pembuangan sampah yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Segala kos yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan tersebut termasuk kos pengangkutan hendaklah di ambilkira di dalam sebutharga.

iii. Pihak kontraktor hendaklah memastikan sisa-sisa yang terjana dari aktiviti penyelenggaraan landskap dibersihkan selewatnya-lewatnya dalam masa Dua Puluh Empat (24) jam / satu (1) hari dari kerja-kerja tersebut dijalankan di tapak dan tidak dibenarkan membuang atau membiarkan mana-mana dahan atau ranting atau bahan sia kerja masuk secara sengaja atau tidak sengaja ke dalam longkang yang menyebabkan aliran air tersekat.

1.8 Penggantian/Kerosakan Semasa Penjagaan Dan Pelupusan Pokok Mati

i. Kontraktor hendaklah membuang atau melupus pokok di dalam kawasan kontrak yang mati dan tidak sihat (pokok utama, palma, pokok renek dan penutup bumi) sepertimana arahan pegawai penguasa atau wakilnya.

ii. Mana-mana pokok yang didapati tidak sihat atau mati berpunca dari aktiviti pembajaan, aktiviti meracun serangga, sumber air yang tercemar bagi aktiviti penyiraman hendaklah diganti dengan serta merta dengan perbelanjaan sendiri dalam tempoh kontrak. Penggantian mestilah dari jenis/golongan yang sama, saiz dan kualiti/mutu yang sama.

iii. Kontraktor tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti pokok-pokok yang mati atau rosak yang disebabkan oleh keganasan atau perbuatan vandalisma yang sengaja dan dibuktikan.

iv. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor pada setiap masa untuk membuktikan bahawa kerosakan atau kematian pokok adalah disebabkan oleh perbuatan vandalisma, dan sekiranya tuntutan dibuat, akan dipertimbangkan sekiranya dibuat dengan menulis kepada Pegawai Penguasa dalam masa 3 hari (hari bekerja) dari tarikh berlakunya kerosakan tersebut.

F. SPESIFIKASI KERJA PENYELENGGARAAN

1. PENYELENGGARAAN LANDSKAP: LANDSKAP LEMBUT

1.1 Merumput dan mengembur

Rumput membawa maksud semua jenis tumbuhan / rumpai yang tumbuh atau hidup pada tempat yang tidak dikehendaki di dalam kawasan kerja. Semua jenis tumbuhan / rumpai yang berada atau hidup di pangkal pokok hendaklah dibersihkan secara manual samada di pokok teduhan, renek, palma atau penutup bumi mengikut spesifikasi seperti berikut :

- Pokok teduhan / palma : jejari min 1 meter dari pangkal pokok
- Pokok renek / penutup bumi : jejari min 0.5 meter

Penggunaan racun rumpai **DILARANG** sama sekali. Sekeliling pangkal atau batas pokok pokok hendaklah kelihatan bebas dari rumput liar setiap masa. Kerja-kerja merumput juga perlu dilakukan di dalam pasu-pasu hiasan dan di **tepi road kerb** di pulau-pulau jalan sepertimana arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.

Tujuan menggembur adalah untuk memastikan permukaan tanah di pangkal pokok berkenaan menjadi tekstur yang berongga dan halus. Dilakukan pada pokok dengan ke dalaman **5cm** dengan mengguna alatan yang sesuai seperti cangkul, atau tajak, dan lain-lain alat yang bersesuaian. Dilarang menimbunkan tanah yang telah digemburkan ke pangkal pokok atau membuat longkang di sekelilingnya kerana boleh mengakibatkan kerosakan pada batang pokok renek. Segala sisa hasil daripada kerja-kerja tersebut hendaklah di keluarkan dari tapak dan dibuang ketempat pembuangan sampah yang dibenarkan oleh pegawai penguasa atau wakilnya. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

1.2 Membaja

Ia merupakan suatu amalan penjagaan bagi memastikan sumber makan pokok dapat dibagi atau dikawal mengikut kaedah atau tatacara yang betul supaya kesuburan pokok-pokok berkekalan, tidak terbantut atau mati akibat terlebih membaja. Kerja membaja boleh dilaksana setelah kerja merumput dan mengembur siap. Kontraktor mestilah mendapatkan pengesahan daripada pegawai penguasa atau wakilnya sebelum kerja-kerja pembajaan dilakukan agar pemantauan dan rekod dapat dilaksanakan. Jenis baja yang perlu dibekalkan dan digunakan ialah:-

1.2.1 Bulan pertama baja organik dari jenis hablur

1.2.1.1 Kadar : 50kg / 1 km

1.2.2 Bulan ke dua baja kimia (bunga atau daun)

1.2.2.1 Kadar : 50kg / 1 km

1.2.3 Pembajaan secara semburan daun dengan baja jenis “foliar” grofas hijau (mengikut keperluan dan arahan semasa)

1.2.3.1 Kadar : 100g – 150g / pokok

1.3 Mencantas dan Pemangkasan Bentuk

Pokok-pokok renek yang ditanam sama ada di dalam bentuk berkelompok atau tunggal memerlukan kerja-kerja mencantas dan pemangkasan bentuk yang berterusan setiap bulan bagi mengekal rupa bentuk pokok. Kerja-kerja ini membuang bahagian pokok yang berpenyakit, rosak, patah atau mati hendaklah dipotong dan buang termasuk tunas-tunas muda yang tumbuh di pangkal pokok. Begitu juga dengan bahagian-bahagian pokok sama ada pokok utama, palma, atau renek yang tidak seimbang, terkeluar dari bentuk (konsep) atau mengganggu aktiviti orang ramai hendaklah melaksanakan kerja-kerja cantasan atau memotong dahan tersebut. Pihak kontraktor adalah diingatkan **DILARANG MENGGUNAKAN MESIN RUMPUT SEBAGAI ALAT MENCANTAS POKOK RENEK.** Kegagalan mematuhi arahan ini akan dikenakan dendaan. Sisa-sisa cantasan juga perlulah dibuang / dibersihkan pada hari yang sama ke dalam beg plastik dan di buang ke pusat pulusan sampah yang dibenarkan oleh pegawai penguasa atau wakilnya.

1.4 Menyiram

Bagi pokok sedia ada atau baru ditanam memerlukan penjagaan serta pengawalan, kerja-kerja menyiram perlulah mengikut masa yang ditetapkan iaitu **1 hari sekali untuk setiap** hari **TANPA GAGAL** kecuali hari hujan lebat dan sekata. Air hendaklah disiram secukupnya pada setiap pokok sehingga tanah di sekeliling pangkal batangnya nampak basah dan menyerap. Waktu penyiraman yang disyorkan ialah sebelum **10.00 pagi dan selepas 3 petang**. Jika pada hari penyiraman adalah hari cuti umum / kelepasan am maka kerja-kerja penyiraman hendaklah dilaksanakan seperti biasa. Jika gagal melaksanakan kerja-kerja penyiraman, potongan bayaran akan dibuat pada hari itu sahaja. Lori, pam air, tangki air dan apa apa peralatan yang perlu disediakan oleh pihak kontraktor. Bekalan air bagi siraman adalah dilarang sama sekali mengambil air dari punca SAMB atau paip-paip peribadi luar. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

1.5 Pemotongan Rumput & Penyelenggaraan Kerb Jalan

i. Kadar kekerapan memotong rumput adalah **Dua (02) kali sebulan** bergantung kepada keadaan kawasan rumput dan rumput gajah, semalu, lalang atau apa jua tumbuhan liar hendaklah dicangkul atau di cabut dan dibuang dari tapak.Semua kawasan berumput mestilah bebas dari tumbuhan liar seperti kemuncup, semalu dan seantara dengannya. Pemotongan hendaklah dibuat dengan anggaran **50mm** dari paras tanah, kemas dan sama rata agar kelihatan kemas.

ii. Pemotongan rumput bagi pulau jalan yang mempunyai rumput **Zoysia** hendaklah menggunakan mesin pemotong rumput jenis tolak (Lawn Mower) dan sekiranya keluasan pulau jalan tersebut tidak cukup luas untuk lawn mower hendaklah menggunakan mesin rumput tangan atau mesen rumput sandang.

iii. Sisa pemotongan rumput hendaklah dibersihkan, dimasukan ke dalam beg plastik berwarna HIJAU, diikat dan dibuang terus pada hari tersebut ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.Kawasan di mana rumput telah dipotong hendaklah dibersihkan dan sisa-sisa rumput hendaklah disapu dan dimasukan ke dalam beg plastik berwarna HIJAU, diikat dan dibuang terus pada hari tersebut ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pegawai Penguasa. Pembakaran ke atas sisa sisa rumput adalah **DILARANG** sama sekali. Kesemua sisa tali tangsi dan rumput yang dipotong mestilah disapu selepas kerja dilaksanakan.**KEGAGALAN DALAM MELAKSANAKAN KERJA-KERJA TERSEBUT, DENDAAN AKAN DIKENAKAN**. Sekiranya pemotongan rumput tidak mencapai sepertimana arahan, MPJ berhak mengarahkan potongan ulangan tanpa menuntut bayaran tambahan atas kerja tersebut.

iv. Pihak kontraktor dikehendaki membersihkan kerb daripada tanah, batuan, pasir, lumut, rumpai, rumput, sampah sarap dan lain-lain benda asing yang terdapat di bahu-bahu jalan, pembahagi jalan, simpang jalan, simpang lampu isyarat, yang di bawah kawasan kontrak penyelenggaraan landskap dengan menggunakan peralatan yang sesuai.

1.6 Mengawal Perosak Dan Penyakit Tanaman

Semua jenis serangga yang memakan atau merosakkan bahagian tanaman dianggap serangga perosak. Semua jenis virus, bakteria dan kulat yang menyerang tanaman samada membunuh atau membantutkannya adalah dianggap punca penyakit tanaman. Oleh yang demikian kontraktor dikehendaki membekal dan menyembur 2 jenis kumpulan racun-racun makhluk perosak apabila kerja kerja meracun atau mengawal serangga perosak perlu dilakukan apabila mendapat arahan dari pegawai penguasa atau wakilnya. Jenis-jenis racun makhluk perosak yang disyorkan adalah seperti berikut:-

1.6.1 Racun Serangga dari jenis Malathion 84EC, Kelthane 18.5 EC, Methamidophos 50 EC, Pes BAN 100. Sekiranya kerja-kerja penyemburan tidak praktikal dijalankan kontraktor adalah diarah membuat kerja-kerja penaburan terus racun jenis Carboturan 3% ke atas permukaan tanah.

1.6.2 Racun Kulat dari jenis Benlate 50% benomyl, Maneb 80wp, Ridomil MZ58EP, CAPTAN 50% wp dan lain-lainnya.

Kesemua racun makhluk perosak yang digunakan mestilah mengikut aturan penggunaan yang disyorkan oleh pihak pengeluar bahan berkenaan dan mengikut piawaian Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan bersesuaian dengan kehendak **ISO MS 14001 : 2005 (Pengurusan Alam Sekitar)** dan disahkan terlebih dahulu oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya untuk penggunaanya. Kontraktor dikehendaki mengambil langkah-langkah keselamatan semasa penggunaan racun perosak samada pada pekerja atau orang awam.

2. PENYELENGGARAAN LANDSKAP: LANDSKAP KEJUR

2.1 Merumpai dan merumput

Merumpai dan merumput dikawasan landskap kejur iaitu perabut-perabut taman, laluan pavement atau pejalan kaki, kemudahan tambahan, kerb, longkang dan lain-lain binaan sama ada semulajadi atau baharu. Semua rumput atau segala benda yang tumbuh di dalam kawasan kerja hendaklah dirumpai samada dicabut, ditajak atau dicangkul dan dibuang bersama-sama dengan sampah sarap yang lain. Kontraktor dikehendaki memastikan tiada sebarang rumput yang tumbuh di celah-celah lekuk di tepi jalan, laluan pavement atau pejalan kaki, di tepi *kerb*, dan sebagainya. Sisa-sisa tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik / guni dan dibuang ke pusat

pelupusan yang dibenarkan oleh pegawai penguasa atau wakilnya. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

2.2 Menyapu

Segala sampah sarap, daun-daun, dahan-dahan kayu yang gugur dan batang pokok yang serkah hendaklah disapu / diangkat / dibuang dengan mengikut kekerapan yang ditetapkan di dalam ringkasan tawaran. Segala sampah sarap yang telah disapu hendaklah dikumpul di dalam beg plastik / guni dan terus dibuang keluar dari kawasan kerja pada hari yang sama ke tempat-tempat pembuangan sampah yang akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa. Ini termasuklah segala daun yang berada di atas batas bagi pokok renek ataupun di dalam petak tanaman (*planter box*). **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

2.3 Mencuci komponen landskap kejur

Kontraktor dikehendaki mencuci dan membersihkan segala kekotoran yang terdapat di mana-mana bahagian struktur komponen landskap kejur seperti laluan *pavement*, laluan siar kaki, alatan permainan kanak-kanak, wakaf, trellis, alatan senaman (*fitness station)*, pentas, *courtyard*, bangku taman, gelanggang badminton, papantanda kejiranan, *rubber mate playground* dan sepertimana arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya dengan menggunakan bahan cucian dan alatan yang bersesuai dan tidak mencemarkan alam sekitar. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN TERSEBUT AKAN DIKENAKAN DENDAAN.**

G. MEMUNGKIRI PERJANJIAN (BREACH OF CONTRACT)

Jika didapati kontraktor memungkiri dan tidak mematuhi perjanjian serta arahan Pegawai Penguasa, maka MPJ sama ada akan:

i. Melantik pihak ke tiga bagi melaksanakan kerja-kerja yang terdapat dalam skop sebutharga ini.
ii. Segala kos pembayaran bagi tindakan-tindakan tersebut di atas akan ditolak dari kontrak asal kontraktor

Pihak kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** memajakkan perkhidmatan ini kepada kontraktor lain (sub-kontraktor). Pihak MPJ berhak menamatkan kontrak **SERTA MERTA** sekiranya perkara tersebut berlaku.

H. KADAR DENDA

BIL	PERKARA	KADAR DENDA
1	Sampah tidak dibuang selepas kerja	RM 100.00 / lokasi / hari
2	Tidak ada karung plastik	RM 100.00 / tong @ longgok
3	Tidak melaporkan kerja harian	RM 50.00 / hari
4	Tidak melaksanakan kerja kecemasan / arahan semasa	RM 100.00 / arahan
5	Tidak menghadiri pemeriksaan tapak	RM 100.00 / lawatan
6	Tidak memakai pakaian seragam / kelengkapan semasa bekerja	RM 100.00 / seorang
7	Aduan yang didapati benar disebabkan kerja-kerja tidak dibuat oleh kontraktor	RM 150.00 / aduan / hari
8	Tiada penyelia atau tenaga buruh landskap sepertimana di dalam kontrak	RM 100.00 / sehari
9	Tidak menyiram pokok atau tidak melaksanakan kerja mengikut spesifikasi sepertimana di dalam sebutharga	RM 100.00 / sehari / keseluruhan kawasan **Atau jumlah mengikut item jenis kerja di dalam kontrak**

Saya atau syarikat dibawah tanggungjawab saya telah membaca serta memahami kehendak dan syarat syarat yang telah ditetapkan. Dan akan menjalankan kerja kerja dengan mengikuti syarat syarat pelaksanaan tawaran dan saya atau syarikat bertanggungjawab serta memahami terhadap segala implikasi terhadap kaitan kerja yang ditawarkan di dalam tawaran ini.

.....	**.....**
(Tandatangan Kontraktor)	**(Tandatangan Saksi)**
Nama : **.....**	Nama : **.....**
No. K/P : **.....**	No. K/P : **.....**
Tarikh : **.....**	Tarikh : **.....**
Cop Syarikat :	

Nota : Wajib Di Isi Oleh Pihak Kontraktor Dan Dikembalikan Bersama Sama Borang Tawaran Sebutharga

